

**Pegawai Tentera Darat Perlu Hayati Strategi Lautan Biru - Raja Muda Perlis
Bernama
2 Oktober , 2011**

GEORGE TOWN, 2 Okt (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu pegawai tentera darat menghayati Strategi Lautan Biru bagi mencapai Bidang Utama Keberhasilan Negara (NKRA).

Titah baginda strategi itu yang sedang dilaksanakan kerajaan dapat mempelbagaikan keupayaan tentera darat bagi membantu pihak berkuasa awam dan kerajaan dalam bidang tertentu.

Bertitah pada majlis santapan malam Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di sini malam tadi, Raja Muda Perlis turut berharap mereka sentiasa berfikiran besar dan berusaha menjayakan hasrat murni kerajaan itu.

Tuanku Syed Faizuddin yang juga juga Komander Regimen 504 Askar Wataniah turut menekankan kepentingan memelihara kedaulatan negara daripada sebarang anasir yang mengancam dari dalam dan luar negara bagi memastikan negara ini terus dihormati.

"Negara yang merdeka dan berdaulat adalah sebuah negara yang mampu mempertahankan dan mengekalkan kedaulatannya daripada sebarang ancaman," titah baginda.

Titah baginda tanpa keupayaan mempertahankan kedaulatan, pembangunan negara akan terjejas selain mewujudkan kemungkinan kembali dijajah.

Bagi memastikan negara terus berada dalam iklim keselamatan yang baik, anggota pasukan keselamatan perlu memahami dan menghayati konsep keselamatan kolektif yang menumpukan kepada kerjasama antara tentera darat dan agensi kerajaan serta swasta, titah baginda.

Sementara itu, Naib Canselor UniMAP Prof Datuk Dr Kamarudin Hussin berkata minat pelajar universiti tersebut terhadap bidang ketenteraan semakin meningkat dan bagi sesi akademik 2011/2012 seramai 153 penuntutnya menyertai Palapes.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617118>